

Bandar Melaka dilanda banjir

BH
19/11/06

MELAKA: Beberapa tempat termasuk kawasan perumahan di pusat bandar ini dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat kira-kira setengah jam, bermula jam 4 petang semalam.

Kawasan terbabit ialah Kampung Tun Razak, Semabok, Kampung Duyong, Perigi Hang Tuah dan Taman Cempaka, selain Taman Merak Mas di Bukit Katil, dekat sini.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Merak Mas, Abdul Razak Wahab, berkata meskipun banjir pernah berlaku di taman perumahan itu sebelum ini, tetapi kali ini ia lebih buruk kerana air naik sehingga hampir setengah meter.

Beliau berkata, pihaknya pernah membuat aduan mengenai masalah sistem perparitan di kawasan perumahan itu kepada pegawai daerah dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), tetapi tidak mendapat maklum balas.

"Memang setiap kali hujan, kawasan perumahan ini pasti dinaiki air. Selain masalah perparitan, projek pembinaan dan masalah longkang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang dipenuhi semak memudahkan lagi kawasan perumahan ini dinaiki air," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ahli Majlis MBMB, Eddie Yeap Siew Hor, berkata sistem perparitan di kawasan perumahan terbabit kini diselenggara Southern Waste Management (SWM).

Beliau berkata, masalah sistem perparitan yang sempit di kawasan perumahan itu sudah diketahui MBMB dan pihaknya kini sedang mengkaji bagi mengatasi masalah itu.

Seorang posmen dari Kampung Musai, Anuar Musa, 30, berkata kejadian banjir di rumahnya berlaku terlalu cepat, menyebabkannya gagal menyelamatkan barang termasuk perabot dan peralatan elektrik.



SERONOK BERMAIN: Kanak-kanak bermain air di hadapan kedai runcit yang dilanda banjir kilat di Taman Merak Mas, Melaka, semalam.

NASHARI MOHD NAWI | BERTITA MINGGU